

Analisis Keperluan Program-Program Sokongan Sosial Dalam Pemerkasaan Saudara Baru

Analysis Of The Needs Of Social Support Programs In The Empowerment Of Muslims Convert

Nur Najwa Hanani Abd Rahman*, Akmaliza Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Abdul Basit Darawi@Samat, Badlihisam Mohd Nasir

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

**Corresponding author: nurnajwahanani@utm.my*

Article history

Received: 2021-08-31 Received in revised form: 2021-10-30 Accepted: 2021-11-01 Published online: 2022-06-30

Abstract

Generally, Saudara Baru is a call for individuals who are just converted to Islam. In Malaysia, aid through religion guidance as well as their welfare being used to be emphasized for this group so that they could learn and understand Islamic religion easily. Therefore, this research was conducted to study some of the supporting programmes that held in order to strengthen their beliefs in Islam. In order to conduct this study, the researcher use qualitative method by involving content analysis design. Next, the main findings and discussions are elaborated based on the programmes from the aspects such as psychology and counselling, education and guidance and finance and welfare in the aims to help the Saudara Baru. Therefore, by using this research, people could understand about supporting programmes for Saudara Baru as well as emphasizing people to play their role as Muslims towards Saudara Baru.

Keywords: Supporting programmes, Saudara Baru, Islamic beliefs, welfare

Abstrak

Saudara Baru secara umumnya merujuk kepada seseorang yang baru sahaja berhijrah kepada agama Islam. Di Malaysia, bantuan dari segi bimbingan ilmu agama dan kebajikan sentiasa dititikberatkan untuk golongan ini supaya mereka dapat mendalami agama Islam dengan baik. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengkaji program-program sokongan yang telah tersedia dalam memperkukuh akidah Islam seseorang Saudara Baru. Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dengan melibatkan analisis kandungan. Seterusnya, dapatan dan perbincangan pula dihuraikan dari segi aspek program psikologi dan kaunseling, pendidikan dan bimbingan dan kewangan dan kebajikan kepada Saudara Baru. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran kepada masyarakat mengenai keperluan program sokongan sosial yang telah diwujudkan untuk para Saudara Baru dan dalam masa yang sama memberi penekanan untuk menunaikan tanggungjawab sebagai saudara Islam kepada golongan Saudara Baru.

Kata Kunci: Program sokongan, Saudara Baru, akidah Islam, kebajikan

1.0 PENGENALAN

Mualaf di Malaysia merupakan golongan yang sering mendapat perhatian daripada badan kerajaan mahupun badan bukan kerajaan (NGO). Statistik yang dikemukakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dapat menyaksikan peningkatan jumlah golongan mualaf di Malaysia dari semasa ke semasa. Namun begitu, hakikat ini tidak menjadikan golongan mualaf terkecuali daripada menghadapi pelbagai cabaran dan kesulitan terutama pada fasa permulaan mereka memeluk Islam (Abu Bakar & Ismail, 2018). Menurut Abu Bakar dan Ismail (2018), keperluan-keperluan utama golongan mualaf di Malaysia yang harus dititikberatkan termasuklah identiti, pendidikan dan bimbingan agama serta bantuan dari segi psikologi.

Seseorang yang baru sahaja memeluk Islam selalunya terpaksa menghadapi pelbagai konflik dalam dirinya kesan daripada perubahan pegangan agama dan penerimaan yang berbeza-beza oleh keluarga dan rakan terhadap keputusan mereka (Muhdhori,2017). Justeru itu, dalam menempuhi fasa yang mencabar tersebut, golongan mualaf ini memerlukan motivasi, nasihat dan sokongan yang baik daripada banyak pihak agar mereka mampu mencapai tahap ketenangan dalam mengamalkan syariat Islam.

Selain itu, menurut Abu Bakar dan Ismail (2018), dalam kajiannya mendapati Saudara Baru sering berhadapan dengan risiko kehilangan pekerjaan, dibuang keluarga dan ditinggalkan rakan-rakan kerana perpindahan agama yang dilakukan, lantas menghadapi masalah kewangan dan keperluan yang lain. Kajian yang dilakukan oleh Azman et.al (2015) mendapati cabaran terbesar bagi seseorang mualaf ialah tentangan ahli keluarga sama ada keluarga sendiri mahupun keluarga mertua. Walaupun begitu, menurut Hakiki dan Cahyono (2015), kebanyakan golongan saudara baru ini memilih untuk memeluk Islam bukan atas dasar paksaan atau ajakan orang sekeliling, tetapi kerana keinginan mereka sendiri.

Dalam menitikberatkan kebajikan golongan mualaf, program-program pemerksaan mualaf telah banyak dijalankan oleh badan kerajaan seperti JAIN dan MAIN, serta badan NGO seperti Hidayah Centre Foundation (HCF), Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM). Antara program pemerksaan mualaf yang sering dijalankan termasuklah program ziarah, program sumbangan keperluan dan program kelas bimbingan yang dijalankan oleh JAIN, HCF, Pusat Bimbingan dan Latihan Saudara Baru (PUSBA) dan sebagainya. Program-program pemerksaan mualaf yang acap kali dijalankan ini masing-masing mempunyai objektif tersendiri tanpa mengetepikan tujuan yang sering berjalan seiring iaitu untuk berdakwah dan menyemai ikatan persaudaraan antara orang Islam dan Saudara Baru.

Sewajarnya, komuniti saudara baru ini memerlukan bantuan dan bimbingan dari banyak pihak bagi menyatukan kepelbagaian etnik, budaya dan keturunan mereka kepada Tauhid Islam yang sebenar. Tambahan pula, sudah menjadi tanggungjawab bagi seseorang yang mengaku Islam untuk menunaikan hak-hak Muslim yang lain termasuklah golongan mualaf, sepertimana Islam tidak memandang seseorang berdasarkan keturunan atau bangsa melainkan yang membezakan seseorang itu di sisi Allah hanyalah tingkat ketaqwaannya. Hal ini demikian bersangkutan dengan firman Allah dalam Surah al-Hujurat, ayat 13 yang bermaksud, *“Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, kemudian Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenali. Sesungguhnya, yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa. Seseungguhnya Allah lagi Maha Mengetahui, lagi Maha Teliti,”*

Demikianlah Islam mementingkan persaudaraan tanpa mengira latarbelakang seseorang demi melahirkan suasana kehidupan yang aman dan tenteram (Razaleigh Muhamat,2013). Oleh yang

demikian, kajian ini akan menghuraikan aktiviti-aktiviti dan program-program sokongan yang dijalankan bagi memperkasakan golongan mualaf ini.

2.0 TINJAUAN

2.1 Program-Program Sokongan Mualaf

Perpindahan agama oleh seseorang boleh disebabkan oleh kedua-dua faktor sama ada faktor dalaman mahupun faktor luaran (Muhdhori, 2017). Ada juga dari kalangan mereka yang terjantik hati untuk mendalami Islam kerana da'ie yang pernah mendekati mereka dengan dakwahnya yang berhikmah (Azman et al., 2015). Dalam konteks ini, jelas menunjukkan uslub dakwah yang tepat mampu menyampaikan mesej dakwah kepada sasaran mad'u dengan baik.

Di samping itu, perkembangan teknologi tanpa sempadan yang berlaku hari ini mampu menyumbang kepada permasalahan umat apabila terdapat segelintir masyarakat Islam yang membuat perkongsian di media sosial sambil menyentuh sensitiviti agama. Misalnya, aplikasi TikTok dapat menyaksikan ramai orang Islam mempamerkan diri mereka terlibat dengan gejala LGBT (Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender) dan orang Islam yang membuat acara pembaptisan di gereja seakan-akan sudah menjadi gaya ikutan (*trend*). Fenomena sebegini sedikit sebanyak pasti mampu memberi cerminan yang kurang baik kepada golongan yang berkeinginan terhadap agama Islam. Oleh sebab itu, program-program sokongan dalam pemerkasaan mualaf ini merupakan salah satu usaha dalam membantu golongan mualaf mahupun golongan yang baru sahaja berminat untuk mendalami Islam mendapatkan kefahaman yang lebih jelas tentang agama Islam.

Biarpun banyak program sokongan bagi golongan mualaf telah tersedia, setiap program yang dijalankan mempunyai objektif yang tersendiri. Hal ini demikian kerana, golongan mualaf bukan sahaja memerlukan bimbingan akidah Islam, malahan turut memerlukan bantuan psikologi, kewangan dan lain-lain daripada masyarakat sekeliling. Hakikat ini telahpun diambil kira oleh pihak kerajaan mahupun NGO dalam mewujudkan program untuk keperluan mualaf. Justeru itu, program-program sokongan yang telah tersedia ini tidak harus diketepikan oleh mualaf bagi memantapkan kualiti spiritual dan keperluan kehidupan baru mereka.

Bagi kajian ini, pengkaji akan menghuraikan program-program sokongan yang dijalankan melalui aspek keperluan psikologi dan kaunseling, pendidikan dan bimbingan, kewangan dan kebajikan dalam memperkasakan golongan mualaf.

2.1.1 Program Psikologi dan Kaunseling

Pihak kerajaan telah lama memainkan peranan dalam membantu mualaf meringankan tekanan spiritual yang dihadapi (Muhamat, 2013). Menurut Ibrahim dan Muhamat (2015), sejak tahun 1960-an lagi, sesi kaunseling kepada mualaf telah dijalankan oleh sektor awam, swasta mahupun NGO di Malaysia menggunakan model Amerika.

Antara program psikologi dan kaunseling yang dijalankan oleh pihak kerajaan misalnya Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengadakan Program International Conference Mualaf (ICOM) yang memberi motivasi kepada golongan mualaf dengan menyentuh aspek agama, kepimpinan, hak kemanusiaan, kebajikan dan undang-undang. Peserta yang terlibat juga diberi pendedahan mengenai isu semasa dan turut mendapat cetusan idea dalam memperkasa pembangunan diri. Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga sering mengadakan sesi kaunseling secara

rawak. Dalam hal ini, kajian telah mencatatkan bahawa 60% golongan mualaf yang sama sering berulang dalam menggunakan perkhidmatan kaunseling di JKM (Ibrahim & Muhamat, 2015).

2.1.2 Program Pendidikan dan Bimbingan

Pendidikan dan bimbingan tentang agama Islam sangat penting kepada golongan mualaf sepertimana setiap orang beragama Islam dituntut untuk mendalami ilmu fardu ain dan fardu kifayah. Dalam hal ini, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam (JAIN) sangat komited dalam memastikan golongan mualaf yang berdaftar untuk mendapat pendidikan fardu ain dan fardu kifayah melalui kelas-kelas bimbingan, bengkel atau kursus. Buktinya, menurut Abu Bakar dan Ismail (2018), bagi fasa permulaan seseorang memeluk Islam, MAIN dan JAIN akan menyarankan mereka untuk menyertai kelas bimbingan Islam selama sekurang-kurangnya tiga hari tiga malam supaya mereka mendapat latihan teori dan praktikal yang jelas tentang amalan fardu ain seperti wudhu', solat dan mandi wajib.

Bagi Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ), aktiviti dan program pemeraksanaan mualaf dari sudut pendidikan dan bimbingan seringkali dijalankan seperti Program Kursus Islam Pilihanku yang mengetengahkan ilmu berkaitan agama Islam seperti akhlak, akidah dan fiqh. Program lain seperti Program Kursus Kem Sinar Ibadah, Kursus Penulisan Jawi, Seminar Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Menurut Abdullah et al. (2020), Pusat Bimbingan dan Latihan Saudara (PUSBA) mengadakan program bimbingan yang beroperasi pada setiap minggu dan mengambil masa selama empat bulan serta menggunakan silibus yang diiktiraf oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Dalam program ini, Sijil Asas Kefahaman Islam akan diberikan kepada mualaf yang lulus setelah tamat empat bulan menjalani kelas bimbingan. Program ini juga terbuka kepada semua mualaf tanpa mengira usia. Selain PUSBA, MAIK juga menganjurkan program-program yang berobjektifkan pendidikan dan bimbingan iaitu seperti Program Kursus Fardu Ain, Program Kursus Agama Orang Asli dan Program Kursus Pra Perkahwinan. Selain itu, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak mengadakan Program Kem Motivasi Muallaf Keluarga Sakinah yang sarat dengan perkongsian ilmu kekeluargaan dan melibatkan seluruh ahli keluarga peserta yang terlibat tidak mengira peringkat umur.

Seterusnya, dalam menitikberatkan bimbingan agama kepada golongan Saudara Baru semasa musim pandemik ini, HCF mengadakan Program Kelas Online Pengajian Islam yang diadakan tiga kali seminggu supaya Saudara Baru masih dapat belajar ilmu agama walaupun secara dalam talian dan bagi memastikan mereka sentiasa berada dalam kumpulan (*circle*) yang saling membantu dalam agama. Di bahagian luar semenanjung Malaysia pula iaitu Sabah dan Sarawak, HCF mengadakan Program Ibadah Qurban pada setiap tahun bagi memberi peluang kepada Saudara Baru untuk merasai suasana Hari Raya Aidiladha dan memberi pengalaman melihat penyembelihan binatang qurban dilakukan sekaligus memberi pendedahan tentang ilmu amali penyembelihan yang betul.

Program pendidikan dan bimbingan yang dijalankan oleh MACMA sebagai salah satu badan NGO mualaf yang tidak asing lagi di Malaysia juga tidak kurang impaknya kepada golongan mualaf. Antara program yang dijalankan MACMA termasuklah Program Kelas Bahasa Mandarin, Program Fardu Ain dan kelas kemahiran seperti Kelas Jahitan agar membolehkan mualaf mempelajari kemahiran asas. Di samping itu, menurut Omar dan Syed Ismail (2016) MACMA turut berganding bahu dengan PERKIM dalam menjalankan aktiviti dakwah terhadap mualaf seperti menganjurkan kelas bimbingan agama dan mengadakan majlis sambutan hari perayaan Islam bagi mengeratkan ikatan persaudaraan antara Cina-Muslim, Melayu-Muslim dan juga non-Muslim yang seringkali terdiri daripada ahli keluarga mualaf yang belum memeluk Islam. Kajian yang dijalankan oleh

Abdul Fatah dan Tan Abdullah (2018) dalam menguji keberkesanan program dakwah MACMA Kelantan mendapati inisiatif yang dilakukan oleh MACMA memberi hasil yang baik terhadap mualaf yang terlibat.

Selain itu, menurut Muhamat, Don dan Muhammad (2012), Program Kursus Guru Agama Orang Asli diwujudkan bagi membolehkan mualaf dari kalangan Orang Asli mendapat bimbingan agama Islam yang terbaik daripada tenaga pengajar yang professional. Hal ini demikian kerana, tenaga pengajar yang professional amat penting supaya dapat menggunakan uslub dakwah yang sesuai dalam memberi bimbingan kepada mualaf Orang Asli.

2.1.3 Program Bantuan Kewangan dan Kebajikan

Seperti yang diketahui, mualaf merupakan salah satu daripada lapan golongan asnaf yang layak menerima zakat selain golongan fakir, miskin dan lain-lain (Wahid & Ahmad, t.t). Di Malaysia, secara umumnya, MAIN dan JAIN di setiap negeri di Malaysia menggunakan sumber dana zakat dalam menggerakkan peranan mereka terhadap golongan mualaf (Abu Bakar & Ismail, 2018). Selain itu, di Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menyediakan pelbagai skim bantuan zakat dalam menyalurkan wang zakat kepada golongan saudara baru ini (Azman et.al., 2015).

JAWI telah mengadakan Program Ziarah Rahmah Saudara Baru bagi menziarahi keluarga mualaf dan dalam masa yang sama membantu dari segi keperluan asas dan kewangan terutama semasa dalam tempoh pandemik COVID-19. Selain itu, melalui Program Tabung Musa'adah COVID-19, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah memberi peruntukan sebanyak RM2 juta bagi membolehkan bantuan kewangan diberi secara 'one-off' kepada keluarga mualaf.

Bagi kumpulan NGO, antara program yang telah dianjurkan yang menjurus kepada bantuan kewangan dan kebajikan termasuklah Program Free Market Mualaf Johor HCF Johor (HCFJ) pada bulan Mei 2021 yang bertujuan untuk menyantuni golongan mualaf dan asnaf dengan menyediakan pakaian-pakaian terpakai (*preloved*) percuma kepada mereka sempena menjelang perayaan Aidilfitri. Program ini telah disambut baik bukan sahaja daripada golongan mualaf, malahan daripada masyarakat sekeliling dengan mengumpulkan pakaian terpakai untuk disumbangkan kepada Saudara Baru dan asnaf. Tidak kurang dari itu, HCF Perlis juga turut membuat sumbangan keperluan makanan asas kepada asnaf mualaf melalui Program Hidayah Food Bank Perlis bagi memastikan mereka mempunyai bekalan makanan asas yang mencukupi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Di samping itu dalam usaha menjaga kebajikan mualaf, pertubuhan PERKIM-Goon yang berasaskan akademik di bawah PERKIM mendirikan tadika bagi kanak-kanak pra sekolah di samping menyediakan bantuan biasiswa kepada golongan mualaf ini. Di samping itu, menurut Abdul Shukor (1999), PERKIM juga mendirikan Institut Dakwah Islamiah bagi menyediakan pusat latihan guru buat para mualaf. Tidak kurang dari itu, PERKIM juga turut mendirikan asrama untuk kanak-kanak mualaf dari komuniti Orang Asli seperti Asrama Darul Falah (ASDAF) di Kuala Lumpur untuk menyediakan peluang pendidikan yang lebih baik kepada anak-anak tersebut (Puteh, Don, Muhamat, Mohd Nasir & Abdullah, 2014).

Selain itu, mualaf yang datang ke kelas bimbingan yang diadakan di bawah JAIN atau MAIN akan menerima elaun dengan harapan elaun tersebut sedikit sebanyak dapat menanggung duit yang diperlukan oleh mualaf untuk ke kelas bimbingan seperti duit tambang pengangkutan dan gaji pekerjaan yang terpaksa dikorbankan semata-mata untuk hadir ke kelas bimbingan (Abu Bakar &

Ismail, 2018). Dalam konteks ini, usaha ini diharapkan mampu menarik lebih ramai golongan mualaf untuk menghadiri kelas bimbingan agama Islam.

3.0 METODOLOGI

Secara keseluruhannya, dalam menjalankan kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan melakukan pengumpulan data melalui penyelidikan perpustakaan. Sumber-sumber yang dijadikan rujukan bagi memperoleh data dalam menghuraikan program-program sokongan dalam pemeraksanaan mualaf termasuklah buku, jurnal dan artikel yang relevan. Seterusnya, penyelidik menjalankan analisis deskriptif bagi menghuraikan topik perbincangan ini.

4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Analisis Keperluan Program Sokongan Sosial

Program sokongan sosial khas bagi pemeraksanaan Mualaf di Malaysia bukanlah sesuatu yang asing lagi. Saban tahun, pelbagai program sokongan oleh badan kerajaan dan NGO dijalankan bagi menjaga keperluan dan kebajikan Saudara Baru. Semestinya golongan mualaf di Malaysia tidak perlu berasa bimbang akan kehidupan selepas mereka memeluk agama Islam kerana terdapat banyak kemudahan yang telah tersedia buat mereka.

Meneliti program-program sokongan sosial mualaf yang sering dijalankan oleh kerajaan mahupun NGO, dapat dilihat terdapat banyak program sokongan berintikan pendidikan dan bimbingan sama ada dari aspek ibadah, tauhid mahupun akhlak. Program-program ini dijalankan secara mingguan mahupun secara 'one-off'. Program-program pendidikan dan bimbingan yang banyak dijalankan ini adalah sebagai salah satu memenuhi keperluan utama para mualaf bagi membolehkan mereka menyelami kehidupan beragama Islam dengan baik melalui para guru yang bertauliah.

Di samping itu, kelas bimbingan juga sangat berpotensi menjadi tempat perjumpaan sesama golongan mualaf dari pelbagai latarbelakang bagi mewujudkan tali silaturahim dan membolehkan mereka bertukar ilmu dan fikiran. Dalam erti kata lain, kelas bimbingan ini bukan sahaja mampu menjadi pusat ilmu bahkan juga dapat memberi suntikan positif terhadap emosi dan rohani mualaf (Muhamat, 2013).

Seterusnya, program sokongan sosial Saudara Baru juga tidak lari daripada menghulurkan bantuan keperluan asas seperti wang ringgit, makanan dan pakaian. Program yang melibatkan kedatangan pihak organisasi kerajaan mahupun NGO ke kediaman-kediaman Saudara Baru juga menunjukkan mereka cakna dan peduli terhadap keadaan para mualaf serta sedia menghulurkan bantuan. Program sebegini juga dapat memastikan para mualaf sama ada yang masih bujang mahupun sudah berumahtangga berada dalam keadaan sejahtera dan tidak kekurangan keperluan asas bagi meneruskan kehidupan dengan baik.

Penelitian yang dibuat juga mendapati program sokongan dari segi psikologi dan kaunseling diwujudkan bagi mendukung keperluan sesetengah mualaf yang memerlukan bantuan khidmat nasihat dari pihak pakar. Fasa-fasa perubahan yang dilalui oleh seseorang yang membuat perpindahan agama pasti meninggalkan kesan terhadap mental mereka. Menyedari hakikat ini, penambahan program sokongan sosial bertemakan psikologi dan kaunseling seperti pengawalan keresahan (*anxiety*), kecelaruan fikiran dan pemantapan spiritual sewajarnya dilakukan lebih-lebih lagi pada era 2021 ini. Program sokongan bertemakan kaunseling dan motivasi dilihat lebih sedikit

berbanding program sokongan yang lain. Di sini, keperluan psikologi dan kaunseling bagi para muallaf hendaklah dilihat sama pentingnya seperti keperluan asas dan kebajikan lain.

4.2 Ilmu Pengetahuan

Agama Islam merupakan satu-satunya agama fitrah yang diterima di sisi Allah sebagaimana Allah berfirman dalam Surah al-Maedah ayat 3 yang bermaksud “...*Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu...*”. Oleh yang demikian, sesiapa yang pada dulunya fasik dan menyembah selain Allah lalu diberikan hidayah oleh Allah untuk kembali kepada agama fitrah ini, hendaklah mereka mengucap dua kalimah syahadah dan memeluk Islam kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih. Menurut Muhamat (2015) dan Shahrudin et.al (2017), Di Malaysia, walaupun rakyatnya terdiri daripada pelbagai agama dan bangsa, bilangan golongan muallaf semakin meningkat dari hari ke hari.

Individu yang baru memeluk Islam sememangnya memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dan beradaptasi dengan perubahan besar yang harus dilakukan ke atas diri mereka sama ada dari segi rutin harian diri, pemakaian mahupun cara berfikir. Oleh sebab itu, golongan muallaf selalunya tidak terlepas dari cabaran dan ujian kehidupan selepas memeluk agama Islam. Dalam masa yang sama, golongan muallaf juga seharusnya tidak mempunyai masalah dalam membiasakan diri untuk mengamalkan gaya hidup Islam dek populasi Muslim yang lebih ramai berbanding agama lain di Malaysia.

Di samping itu, definisi muallaf oleh Al-Qaradhawi (Muhamat, 2015) sebagai golongan yang dilembutkan hatinya dengan pemberian hadiah diperkuat lagi apabila muallaf tergolong dalam lapan asnaf yang layak menerima zakat (Wahid & Ahmad, 2008). Program-program sokongan sosial Saudara Baru dari segi kewangan dan kebajikan yang banyak dijalankan sedikit sebanyak pasti mampu menunjukkan kepada mereka bahawa Islam sememangnya agama yang benar dan mementingkan persaudaraan tanpa mengira latarbelakang. Oleh yang demikian, setiap Mukmin hendaklah sentiasa berbuat baik sesama manusia agar dapat menarik lebih ramai individu bukan Islam kepada agama Islam bagi mencapai keseimbangan ‘habluminallah’ dan ‘habluminannas’.

4.3 Peranan semua pihak

Tugas dalam menjalankan tanggungjawab terhadap golongan muallaf secara rasminya terletak di bawah bidang kuasa JAIN dan MAIN, dalam masa yang sama organisasi badan-badan bukan kerajaan turut menjadi penggerak dalam hal ehwal golongan muallaf ini. Namun demikian, peranan dalam membantu dan membimbing golongan muallaf ini haruslah dimainkan oleh semua pihak sama ada secara formal mahupun tidak formal.

Setakat ini, golongan muallaf yang menghadapi cabaran dibuang keluarga atau pekerjaan dek penghijrahan agama yang dilakukan sehingga menyebabkan kehilangan tempat tinggal atau kesempitan wang tidak perlu bimbang kerana Majlis Agama di setiap negeri sedia untuk menghulurkan bantuan menerusi asnaf muallaf (Muhamat, 2013). Di samping itu, kelas-kelas pengajaran ilmu pendidikan Islam secara berkala percuma turut disediakan untuk para muallaf agar golongan ini tidak perlu bersusah payah untuk mencari guru secara sendiri. Secara umumnya, kemudahan-kemudahan ini disediakan bagi memastikan kebajikan dan keperluan golongan muallaf sebagai individu yang baru memeluk Islam dapat dipenuhi dengan baik.

Namun begitu, menerusi kajian yang dilakukan oleh Abd. Rahman, Hussin dan Wazir (2020) ke atas keberkesanan pengajikan akidah bagi muallaf menyatakan terdapatnya kelompangan dalam

modul pembelajaran akidah mualaf membuat kurangnya keberkesanan kefahaman oleh golongan mualaf ini dari sudut akidah. Dalam hal ini, pihak yang bertanggungjawab hendaklah meneliti dan mengkaji kembali modul yang digunapakai di dalam kelas pembelajaran mualaf bagi menambahbaik sedikit kekurangan yang dikenalpasti ini.

Seterusnya, peranan yang dimainkan oleh NGO dalam membantu mualaf tidak kurang pentingnya. Usaha-usaha yang dilakukan oleh NGO seperti MACMA, HCF dan lain-lain amat menyumbang kepada penjagaan kebajikan Mualaf yang lebih baik. Di samping itu, kajian yang dijalankan oleh Azman et. al (2015) mendapati golongan mualaf menyatakan kursus-kursus agama yang dijalankan kepada mereka dapat memberi pendedahan jelas kepada mereka tentang latihan amali.

Selanjutnya, selari dengan perkembangan dan keperluan zaman, usaha kerajaan dan NGO dalam menyediakan perkhidmatan dan kebajikan untuk mualaf hendaklah ditonjolkan melalui media sosial secara besar-besaran agar dapat menarik lebih ramai golongan mualaf mahupun individu-individu yang berkeinginan untuk masuk Islam mengenali program-program sokongan yang telah disediakan. Hal ini demikian kerana, media sosial dilihat sebagai antara alat utama dalam menyampaikan berita dengan cepat dan meluas kepada setiap lapisan masyarakat pada ketika ini (Fauzi, 2017).

Selain itu, masyarakat sekeliling seperti jiran tetangga, rakan-rakan di sekolah atau di tempat kerja hendaklah turut mengambil cakna terhadap kebajikan golongan mualaf ini tanpa menganggap tugas tersebut terletak di bawah tugas pihak kerajaan atau organisasi tertentu semata-mata. Hal ini demikian kerana, dalam mendepani cabaran sebagai seorang saudara baru pasti akan menjadi lebih mudah apabila mendapat sokongan dari orang sekeliling. Antara perkara yang mudah dilakukan tetapi besar maknanya bagi golongan mualaf ialah dengan menunjukkan contoh yang baik dalam menjadi seorang Muslim seperti mengajak mereka solat pada awal waktu, berpakaian sepertimana yang disyariatkan Islam dan berbuat baik sesama masyarakat. Di samping itu, masyarakat sekeliling yang menyedari kenalan mereka baru sahaja memeluk Islam bolehlah mencadangkan mereka untuk merujuk JAIN, MAIN mahupun mana-mana pertubuhan NGO agar mereka dapat menggunakan kelebihan-kelebihan yang disediakan untuk mereka.

5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, banyak program sokongan sosial Saudara Baru di Malaysia disediakan bagi mengisi keperluan mereka dalam menjalani kehidupan baru sebagai individu beragama Islam. Selain itu, pihak yang bertanggungjawab ke atas pengurusan mualaf secara rasmi juga hendaklah sentiasa memperkemas dan meningkatkan mutu perkhidmatan kepada mualaf dari semasa ke semasa di samping menitikberatkan keperluan semasa agar perkhidmatan yang dijalankan efektif, relevan dan menepati perkembangan zaman.

Golongan mualaf sewajarnya berasa tenang dan tidak perlu takut untuk menzahirkan identiti keislaman mereka kerana mereka akan sentiasa dibantu dan dijaga kebajikan mereka oleh pihak tertentu. Masyarakat yang sememangnya sudah beragama Islam hendaklah menjadi suri teladan kepada golongan mualaf supaya golongan mualaf ini dapat melihat cerminan akhlak dan ajaran Islam yang sebenar serta dapat memperbaiki diri. Marilah kita sama-sama berganding bahu dalam memperkasakan golongan mualaf dan membina ukhuwah Islam yang kukuh tanpa mengira latarbelakang, sempadan mahupun warna kulit.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada dapatan penyelidikan yang ditaja dana oleh Geran *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS/1/2019/SSI03/UTM/02/4) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Rujukan

- Abd Shukor, N. (1999). Permasalahan di Kalangan Muallaf dan Khidmat Sokongan oleh Perkim Negeri Perak. Universiti Putra Malaysia, 25.
- Abd. Rahman, K., Wazir, R., & Hussin, M. (2020). Keberkesanan Pengajian Akidah Bagi Muallaf: Analisis Keperluan. *International Seminar on Muallaf (ICOM 2019)*, 1-12.
- Abdullah, S., Abu Yazid, A., Abdullah, S., Mohamad, A., Jamaluddin, N., & Ahmad, S. (2020). Kaedah Pengajaran Solat Program Bimbingan Muallaf di Pusat Bimbingan dan Latihan Saudara Baru (PUSBA). *International Research Journal of Shariab, Muamalat and Islam (IRJSMI)*, 2(3), 32-40.
- Abu Bakar, S., & Ismail, S. (2018). Pengurusan Muallaf di Malaysia: Kerjasama Dinamik Antara Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan. *Jurnal Usuluddin*, 46(2), 97-122.
- Aini, Z., Don, A., Puteh, A., & Nor Sad, N. (2019). Amalan Komunikasi Dakwah Semasa Kelas Bimbingan Fardhu Ain Orang Asli Muslim di Selangor. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17), 34-47.
- Azman, A., Irwan, M., Mahazan, A., Rizwanshah, N., Wan Mohd Fazrul Azdi, W., Ibrahim, R., & Ismail, N. (2015). Analisis Pentafsiran Muallaf Menuut Islam dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 6, 9-37.
- Fauzi, N. (2017). Penggunaan Media Sosial Dalam Dunia Tanpa Sempadan : Suatu Kebaikan atau Keburukan? ILKAP, 1-34.
- Hakiki, T., & Cahyono, R. (2015). Komitmen Beragama pada Muallaf (Studi Kasus pada Muallaf Usia Dewasa). Fakultas Psikologi Universitas Airlangga Surabaya, 20-29.
- Ibrahim, N., & Muhamat, R. (2015). Keperluan Modul Kaunseling Standard Kepada Muallaf di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 8(3), 115-129. Akademi Islam KUIS
- Ibrahim, N., & Muhamat, R. (n.d.). Keperluan Modul Kaunseling Standard Kepada Muallaf di Malaysia.
- Irwan, M., Azman, A., Mahazan, A., Nuradli Rizwan Shah, M., Wan Mohd.Fazrul Azdi, W., Ibrahim, R., Ismail, N. (2015). Penerimaan Penggunaan Istilah Muallaf dalam Kalangan Muallaf di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 6, 111-134.
- Kamal Basir, M., Masyaa'il Tan Abdullah, N., Md. Sham, F., & Omar Mokhtar, M. (2021). Implementation Methods of Revert Da'wah Program in Malaysia : A literature Review. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 11, 543-554.
- Mudhori, H. (2017). Treatmen dan Kondisi Psikologis Muallaf. *Jurnal Edukasi*, 3, 16-39.
- Muhamat, R. (2013). Keperluan Bimbingan kepada Golongan Muallaf di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia, 1-19.
- Muhamat, R., Don, A., & Muhammad, A. (2012). Dakwah kepada Golongan Muallaf Orang Asli di Kelantan. *Jurnal al-Hikmah* 4, 87-105.
- Rosli, R., & Tan Abdullah, N. (2016). Peranan Malaysian Chines Muslim Association (MACMA) Kelantan Terhadap Pembangunan Modal Insan Muallaf: Kajian Awal. Fakulti Pengajian Islam.
- Shaharuddin, S., Shaharuddin, H., Abdullah, M., Amat Misra, M., & Fauzan, A. (2017). Cabaran dan Permasalahan Muallaf dan Penyelesaiannya oleh Hidayah Centre Foundation (HCF). 1-9.

Wahid, H., & Ahmad, S. (n.d). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia, 1-17.